

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

Prof Emeritus
Datuk Dr Ibrahim Komoo
Pengerusi Majlis Warisan Negara &
Felo Penyelidik Utama, Institut Alam
Sekitar dan Pembangunan,
Universiti Kebangsaan Malaysia



Kemerdekaan tuntut peradaban terus diperkasa

Sayangi
Malysiaku



KITA PUNYA

Jati diri Malaysia sewajarnya berpaksikan penduduk asal Semenanjung Tanah Melayu dan bangsa Melayu. Ia juga seharusnya teradun secara harmoni dengan warga lain Tanah Melayu ketika mencapai kemerdekaan dan penduduk Sabah dan Sarawak ketika kita menjadi Malaysia.

Kenyataannya, selepas lebih 60 tahun kita bebas daripada penjajahan Inggeris, mimpi ini belum dapat dicapai. Kita bukan sahaja tidak mampu untuk bersatu dalam kepelbagaian, malah semakin hari semakin renggang dan kurang mengenali antara satu sama lain.

Anehnya, ini bukan budaya timur yang sering digembar-gembur iaitu komuniti yang ramah, ceria, saling membantu, hormat-menghormati, bertoleransi tinggi dan bersedia berkongsi.

Kenyataan sarjana, Syed Ali Tawfik Al-Attas mengenai universiti di Malaysia sejak sekitar 10 tahun terakhir ini bercanggah daripada urusan teras, iaitu mendidik dan mengembangkan pemikiran masyarakat supaya lebih bersifat holistik dan bertamadun perlu diberikan perhatian serius.

Pandangan beliau, 'universiti

yang taksud dengan urusan sains, teknologi dan industri', sebaliknya mengabaikan kepentingan pendidikan adab, etika dan jati diri hanya akan membawa masyarakat ke lembah kehancuran. Jika universiti sebagai benteng terakhir membina dan mencambah ketamadunan bangsa diruntuhkan, tiada lagi tempat untuk bangsa Malaysia berlindung.

Bahasa dan warisan

Negara yang maju dan berperadaban sentiasa menghormati, menyanjung dan memulihara beberapa perkara asas yang menjadi teras budaya dan jati diri bangsa.

Antaranya ialah kesjaranaan, bahasa dan warisan, nilai murni bangsa, kesejahteraan masyarakat dan kelestarian negara. Universiti tempatan boleh menjadi pemimpin dan penggerak semua wawasan penting ini.

Dalam konteks kesjaranaan, universiti tempatan perlu menghormati kepelbagaian ilmu. Selain memberikan penekanan kepada program pengajian yang relevan kepada sektor pembangunan dan industri negara, pendidikan membangun minda, budaya, sejarah, etika dan perwatakan bangsa perlu diberikan perhatian tinggi.

Pendidikan tinggi tidak sekadar menyediakan sumber tenaga mahir, sebaliknya bertanggungjawab membina insan syumul yang berpegang kepada jati diri bangsa dan berupaya menjadi warga global yang dihormati.

Pembangunan kesjaranaan juga membabitkan penyelidikan berterusan. Universiti dan ahli akademik tempatan perlu berpegang kepada falsafah 'berfikir global, bertindak lokal'. Sambil mengikut perkembangan ilmu pada peringkat global, kita perlu menyelidik berasaskan situasi dan isu tempatan.

Menyelesaikan persoalan lokal seperti landskap dan iklim tropika, masyarakat, budaya, tradisi, kepercayaan dan sumber tempatan membolehkan sarjana kita berada di ufuk ilmu dan tidak sekadar mengikuti dari belakang penyelidik Barat.

Kesjaranaan berasaskan ilmu watan membolehkan kita memimpin cebisan persoalan global yang masih terbiar dan kurang difahami.

Keunikan bangsa

Bahasa dan warisan ialah sebahagian daripada makna negara bangsa bertamadun. Bahasa Melayu bukan sekadar alat berkomunikasi, tetapi jiwa, perwatakan dan keunikan sebuah bangsa merdeka.

Ada perbezaan ketara di antara menghormati dan menyintai bahasa kebangsaan dengan keupayaan berkomunikasi dalam bahasa global. Belajar bahasa asing ialah tuntutan warga global kini, menggunakan bahasa Melayu ialah tanggungjawab asas dan jati diri bangsa yang cintakan tanah air sendiri.

Untuk membolehkan peradaban bangsa terus diperkasa, pengajian bahasa dan warisan perlu diberikan keutamaan dalam ekosistem pengajian tinggi tempatan.

Malaysia ialah negara berbilang kaum dengan majoriti berbangsa Melayu. Kaum Cina, India, Kadazan, Iban dan puluhan suku kaum lain juga warga negara dan menetap di negara ini turun-temurun.

Selain perlu mengukuhkan budaya dan tamadun kebangsaan, kita perlu menghormati kepelbagaian dan kebebasan suku kaum lain mengamalkan budaya dan tradisi ibundanya.

Begitupun, hasrat untuk membina cita dan jati diri negara bangsa ialah asas bermasyarakat dan perlu diberikan keutamaan. Pendidikan formal bersifat kebangsaan untuk semua, semen-

tara kebebasan mengamal budaya kaum masing-masing ialah hak mereka. Inilah bentuk kesedaran dan keluasan yang perlu wujud dalam sanubari setiap rakyat Malaysia.

Kesejahteraan rakyat

Pada peringkat awal pembangunan negara, kerajaan perlu memberikan tumpuan kepada keperluan asas masyarakat. Begitupun, selepas lebih 60 tahun merdeka, tumpuan perlu diberikan kepada falsafah kesejahteraan komuniti.

Masyarakat mesti didahulukan berbanding kelompok kecil. Strategi pembangunan ekonomi perlu memberikan perhatian kepada merapatkan jurang antara kaya dan miskin dan di antara kemudahan luar bandar dan bandar.

Konsep perkhidmatan dalam sektor pendidikan, perumahan dan kecukupan makanan asas diutamakan. Hari ini, semuanya telah diperniaga untuk meraih kekayaan sehingga wujud kelompok miskin bandar yang berleluasa.

Kesejahteraan komuniti hanya boleh dicapai jika tempat tinggal selesa dan selamat, negara membangun demi kepentingan rakyat dan kemudahan kehidupan seluruh warga terjamin.

Terakhir ini seluruh warga dunia sedang berhadapan dengan krisis alam sekitar, kepupusan sumber asli dan impak perubahan iklim. Oleh itu, tindak tanduk negara tidak boleh lagi mengikut amalan biasa-biasa.

Kita perlu bertekad untuk mengubah cara berfikir dan bertindak berasaskan pendekatan terintegrasi atau syumul. Wawasan kelestarian iaitu pengurusan terimbang antara pemuliharaan alam, pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat perlu diperkasa dalam semua sektor pembangunan.

Sarjana boleh menerajui pendekatan syumul dengan memperkenalkan program pengajian bersifat multi dan trans bidang. Sementara kerajaan pula boleh memperkenalkan konsep pengurusan bersama di antara pelbagai agensi bagi menyahut cabaran kelestarian.

Bagi Kerajaan Pakatan Harapan sempena menyambut hari kemerdekaan, usahlah bertutur janji yang masih belum mampu diselesaikan. Carilah jalan yang tepat bagi membina sebuah negara yang makmur, rakyat yang ceria dan beretika, dan warisan alam dan budaya terpelihara. Binalah jati diri Malaysia.



Negara yang maju dan berperadaban sentiasa menghormati, menyanjung dan memulihara beberapa perkara asas yang menjadi teras budaya dan jati diri bangsa. Antaranya ialah kesjaranaan, bahasa dan warisan, nilai murni bangsa, kesejahteraan masyarakat dan kelestarian negara"

Sidang redaksi

Ketua Pengarang NSTP
Dato' Yushaimi Yahaya
yushaimi@nst.com.my

Pengarang Eksekutif Kanan Integrasi NSTP
Saidon Idris
saidon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Berita Harian
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman
madzaini@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31 Jalan Riong, S9100 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-226787 Faks: 03 20567081
Laman Web: www.bharian.com.my E-mel: bhrekanal@bh.com.my